

# RM3j dalamkan laluan pelayaran

Terengganu  
segerakan projek  
di Pelabuhan  
Chendering untuk  
nelayan daratkan  
hasil tangkapan


BH 12/05/23 ms 20

Oleh Baharom Bakar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Kerajaan negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta untuk projek mendalamkan laluan pelayaran di Pelabuhan Chendering, di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim, berkata projek mendalamkan laluan pelayaran perlu disegerakan berikutan pelabuhan semakin sempit dan cetek.

Katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri sedang melaksanakan proses teknikal dan projek mendalamkan laluan



Jeti pendaratan ikan di Pelabuhan Chendering tidak dapat digunakan kerana ditimbusi pasir. (Foto Baharom Bakar/BH)

pelayaran dalam pelabuhan itu dijangka bermula Ogos depan.

“Walaupun pelabuhan itu adalah milik kerajaan Persekutuan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), kerajaan negeri perlu bertindak bagi menyelesaikan masalah nelayan yang menghadapi kesukaran masuk ke pelabuhan untuk mendaratkan

hasil tangkapan,” katanya.

## Laluan cetek sempit

Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi berkata demikian ketika mengulas keadaan pelabuhan Chendering yang semakin cetek dan sempit disebabkan berlakunya timbunan pasir.

Mengulas lanjut, Azman berka-

ta, kerajaan negeri bersama LKIM sudah mengemukakan kertas cadangan untuk naik taraf dan pembangunan semula pelabuhan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan diterajui Datuk Seri Dr Ronald Kiande, pada tahun 2001.

“Cadangan itu dibawa kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (EPU)

dengan anggaran keperluan peruntukan RM192 juta.

“Menyedari isu itu berlarutan, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memaklumkan peruntukan RM192 juta diluluskan oleh EPU,” katanya.

Azman berkata, peruntukan itu bagi melaksanakan kerja menaik taraf infrastruktur pelabuhan dan benteng pemecah ombak.

“Kerajaan Pusat diminta menyegerakan dan mempercepatkan projek menaik taraf pemecah ombak dan infrastruktur di pelabuhan seperti diumumkan,” katanya.

Sementara itu, tinjauan di Pelabuhan Chendering mendapati timbunan pasir menyebabkan dalam satu jeti nelayan ditimbusi pasir.

Difahamkan, timbunan pasir dalam pelabuhan itu berpunca daripada kebocoran benteng pemecah ombak.

Tinjauan turut mendapati laluan pelayaran dalam pelabuhan itu hanya boleh dilalui bot kecil, manakala bot bersaiz besar terpaksa menunggu air pasang untuk mendaratkan hasil tangkapan.